AUTHOR: HAMZAH SANUDIN SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 1 PRINTED SIZE: 295.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,198.00 ITEM ID: MY0055427925

03 SEP, 2023

MAFS PERKASA AGRO TANI

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

MAFS PERKASA AGRO TANI

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sentiasa membantu rakyat yang mahu menjalankan perniagaan agro tani di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, MAFS menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan jualan dan menyediakan prasarana kepada para peniaga dalam bidang pertanian.

Katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang merupakan agensi di bawah MAFS sentiasa menganjurkan aktiviti dan platform sepanjang tahun.

"Sepanjang tahun ini, FAMA mengadakan jualan 'Agro Madani' yang membabitkan peniaga pertanian dengan menyasarkan jualan sebanyak RM10.8 juta di seluruh negara.

"Setakat ini, jualan sudah mencecah RM3.6 juta dan sasaran untuk bulan September tahun ini adalah sebanyak RM100,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam satu lawatan kerjanya di Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS), di sini semalam.



LANCAR: Chan (tiga kanan) ketika melancarkan jualan 'Agro Madani' di Medan GBBS Tawau.

Pelbagai inisiatif diwujudkan bagi meningkatkan jualan dan sediakan prasarana kepada peniaga bidang pertanian, kata Chan

Selain itu, katanya, FAMA ketika ini turut mengambil inisiatif untuk mengadakan jualan barang keperluan dengan harga RM6.60 sempena menyambut Hari Kemerdekaan Ke-66.

Menurutnya, MAFS melalui FAMA akan terus mencari inisiatif bagi membantu peniaga agro tani di negara ini dan memastikan rakyat mendapat produk yang berkualiti serta harga berpatutan.

Chan berkata, FAMA juga sudah membantu peniaga dengan menawarkan tapak sewa dengan harga yang paling berpatutan supaya mereka tidak terbeban.

"Kita juga berjaya mengumpulkan lima hingga sepuluh peniaga agro tani dalam satu tempat seperti GBBS ini supaya orang ramai mudah mendapatkan produk pertanian.

"Justeru, saya berharap semua rakyat di negara ini dapat menyokong peniaga agro tani supaya mereka boleh memberikan harga yang berpatutan," katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: HAMZAH SANUDIN SECTION: GENERAL NEWS PAGE: 1 PRINTED SIZE: 295.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,198.00 ITEM ID: MY0055427925

03 SEP, 2023

MAFS PERKASA AGRO TANI

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

SUMMARIES

TAVVAU: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sentiasa membantu rakyat yang mahu menjalankan perniagaan agro tani di seluruh negara. Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin berkata, MAFS menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan jualan dan menyediakan prasarana kepada para peniaga dalam bidang pertanian.Katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang merupakan agensi di bawah MAFS sentiasa menganjurkan aktiviti dan platform sepanjang tahun.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.